

Negara Asia Perlu Bina Hubungan Ekonomi Yang Kukuh Dan Kekal, Kata Najib

Bernama

3 Apr, 2014

KUALA LUMPUR, April 3 (Bernama) -- Negara-negara Asia perlu berusaha membina hubungan ekonomi yang lebih kukuh dan kekal, di rantau ini dan di dunia luar, kata Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak hari ini.

Beliau berkata integrasi kewangan yang lebih besar merentasi sempadan bukan sahaja membantu negara-negara membangun ke tahap lebih tinggi, tetapi juga memastikan semakin kurang rakyat yang ketinggalan.

"Sebuah pasaran tunggal yang berkembang maju akan menyokong pekerjaan, pertumbuhan dan meningkatkan taraf hidup untuk lebih daripada setengah bilion rakyat. Ia juga akan memastikan pertumbuhan yang luar biasa Asia melimpah ke semua negara anggota," kata Najib dalam ucapannya pada Forum London School of Economics and Political Science Asia 2014 di sini hari ini.

Teks ucapan beliau dibacakan oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri Jabatan Datuk Seri Abdul Wahid Omar.

Najib berkata bagi ekonomi Asia, integrasi menawarkan manfaat yang besar, termasuk keupayaan untuk berunding bersama-sama.

"Jika dilaksanakan secara berhemah, ia boleh meningkatkan kuasa negara-negara pertengahan, dan meningkatkan taraf hidup untuk semua, kata beliau.

Najib bagaimanapun berkata memandangkan negara-negara Asia membuka kepada ekonomi global, mereka juga perlu melakukan yang terbaik untuk menggalakkan dan mengamalkan kapitalisme yang lebih bertanggungjawab.

"Banyak penggubal dasar kini sibuk dengan kualiti pertumbuhan. Kepentingan bersama di sini ialah kebertanggungjawaban korporat yang lebih besar. Bukan sahaja kepada keuntungan serta-merta, tetapi juga kepada masyarakat yang membolehkan urus niaga berlaku," kata beliau.

Perdana Menteri berkata antara pengajaran utama daripada krisis kewangan 2008 ialah keputusan perniagaan jangka pendek boleh melemahkan kedudukan bukan sahaja syarikat tetapi seluruh ekonomi.

"Di Malaysia, sebagai contoh, kita mahu sektor kewangan yang dinamik dan cergas, tetapi kita juga telah menubuhkan struktur peraturan yang jelas, memberikan bank pusat kita pengawasan penyeliaan yang lebih besar dan peningkatan pengawasan kewangan.

"Setelah melalui krisis kewangan pada abad yang lepas, kita lebih bersedia untuk kemelesetan 2008 dengan tadbir urus yang lebih baik, keperluan permodalan dan mudah tunai bagi institusi kewangan," kata Najib.

Malaysia juga mahu melindungi ekonomi dengan meningkatkan kepelbagaian korporat, kata Najib, yang juga Menteri Kewangan, sambil menambah bahawa menjelang 2016, 30 peratus daripada lembaga pengarah syarikat-syarikat Malaysia perlu terdiri daripada wanita.

"Kajian akademik menunjukkan bahawa langkah itu akan menjadikan firma lebih menguntungkan dan seterusnya akan memperkukuhkan ekonomi kita," kata beliau.

-- BERNAMA

Copyright © 2014 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=1027736>